

05/11/2001

Akta lindungi saksi belum cukup

Fazli Abdullah; Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Ahad - Polis mengakui undang-undang sedia ada belum mencukupi untuk memberi perlindungan sewajarnya kepada saksi penting kes jenayah di negara ini.

Seorang pegawai kanan polis yang enggan namanya disiarkan berkata peruntukan undang-undang mengenai perlindungan ke atas saksi di negara ini juga ketinggalan berbanding negara lain.

Sehubungan itu, beliau berkata, sudah tiba masanya untuk pihak berkuasa mewujudkan satu undang-undang baru atau program khusus berkaitan perlindungan saksi.

Ketika ini, saksi sesuatu kes jenayah diberi perlindungan mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan dan Akta Melarikan Orang dan Menakutkan Saksi Secara Jenayah 1947 (pindaan 1977).

Antara perlindungan yang diberi termasuk mengawasi tempat tinggal saksi dengan membuat rondaan dan menempatkan anggota berpakaian preman.

Bagaimanapun, kehadiran anggota polis tidak dimaklumkan kepada saksi itu.

Dalam kes tertentu, polis juga memindahkan saksi kes penting ke tempat yang difikirkan selamat bagi mengelak sebarang kemungkinan.

April lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan sedia mengkaji mewujudkan satu undang-undang baru yang melindungi saksi penting terutama kes jenayah.

Isu berkaitan perlindungan ke atas saksi hangat diperkatakan berikutan satu keluarga mangsa rogol di ibu negara mendakwa polis gagal memberi perlindungan secukupnya kepada mereka sehingga mengakibatkan bapa mangsa dibunuh.

Dalam kejadian 24 Oktober lalu, R A John Iruthkanathan, 38, mati ditetak lima lelaki di sebuah gerai di Jalan Ipoh.

Keluarga mangsa mendakwa, dia dibunuh kerana membuat aduan polis mengenai anak perempuannya yang berusia lapan tahun dirogol lima lelaki pada 12 Julai lalu.

Isteri mangsa, P Malika, 26, mendakwa suaminya dibunuh selepas diugut beberapa kali oleh kumpulan lelaki yang merogol anak mereka.

Bagaimanapun, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Syed Abdul Rahman Syed Abdul Kadir, menjelaskan kedua-dua kes itu tidak mempunyai kaitan.

Mengenai kes itu, pegawai berkenaan berkata, polis sudah melakukan segala yang termampu untuk melindungi keluarga mangsa selepas menerima laporan mereka.

"Selain menempatkan anggota berpakaian preman, polis juga meronda di sekitar rumah mangsa," katanya.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata kerajaan sentiasa terbuka menerima kritikan atau aduan orang awam terhadap keberkesanan polis menguatkuasakan undang-undang.

Beliau berkata, orang ramai berhak mengemukakan sebarang bukti atau menyalurkan rasa tidak puas hati jika timbul sebarang kemusykilan terhadap polis.

"Sehubungan itu, dalam kejadian membabitkan pembunuhan saksi terbabit, keluarga mangsa melalui peguam mereka boleh melaporkan kepada saya dengan mengemukakan segala butiran mengenai kejadian itu bagi tindakan susulan," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Ditanya sama ada kerajaan bercadang menggubal Akta Perlindungan Saksi, Rais berkata, program perlindungan saksi tidak dapat dilaksanakan di negara ini kerana tidak ada peruntukan undang-undang di bawah akta itu.

"Akta khas bagi melindungi saksi utama atau program perlindungan saksi seperti di Amerika Syarikat memang tidak ada di negara ini, tetapi di dalam kes ini polis boleh melindungi saksi dan keluarga daripada perhatian media.

"Kerajaan pula tidak menghadapi sebarang masalah untuk membuat undang-undang baru, terutama dengan kesediaan kerajaan dalam membentuk pentadbiran yang proaktif dan dinamik," katanya.

(END)